

'Keputusan tepat, kurangkan beban kos sara hidup'

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak menyifatkan penangguhan pelaksanaan Program Subsidi Petrol tepat kerana mampu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat selain mengambil kira keadaan ekonomi dunia.

Pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai, berkata itu juga dapat mengelak kenaikan harga pasaran bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan secara drastik.

"Harga runcit RON95 dan diesel akan naik jika program itu dilaksanakan mulai Rabu ini (esok) dan ini akan menyebabkan rakyat, khususnya golongan menengah merungut.

"Penangguhan ini juga perlu bagi menyelesaikan mekanisme pemberian subsidi kepada golongan sasaran yang kini terbahagi kepada dua kaedah berasingan. Lebih baik dua kaedah itu digabungkan dan guna satu kad bagi kedua-dua golongan berkenaan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman yang menyokong pelaksanaan program itu, pula berkata kerajaan perlu mempunyai mekanisme jelas dalam mengawal kenaikan harga barang, sebelum program itu dimulakan.

"Kita khawatir rakyat, khususnya golongan menengah, akan marah dengan pelaksanaan Program Subsidi Petrol ini jika tiada mekanisme khusus ditetapkan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan. Kerajaan perlu ada timbal balik yang akan menguntungkan kedua-dua pihak.



Ahmad Yazid Othman

"Kerajaan tidak boleh hanya 'mengambil' sahaja tanpa memberi apa-apa kepada rakyat. Ini dikhuatiri akan membangkitkan kemarahan dalam kalangan rakyat," katanya.

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA), Datuk Abu Samah Bachik, berkata harga runcit petrol seharusnya ditetapkan menerusi pendekatan sedia ada, tanpa perlu diapungkan mengikut harga minyak dunia.

Selain itu, katanya, kerajaan perlu menstabilkan keadaan ekonomi negara dan kos sara hidup rakyat terlebih dahulu, sebelum melaksanakan program subsidi petrol bersasar itu yang hanya akan memberi manfaat kepada 8 juta penerima daripada kelompok B40 dan M40.

"Saya akui penangguhan PSP ini akan memberi kesan positif kepada pengguna dan pengusaha stesen minyak di seluruh negara. Ini kerana, harga kebanyakan barangan dan perkhidmatan di Malaysia adalah bergantung kepada harga petrol," katanya.

